



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

OPENCOURSEWARE

# Institusi-Institusi Islam (UICI 2042)

## Institusi Penguatkuasaan

Nurazmallail Bin Marni

Sayed Mahussain Bin Sayed Ahmad al-Idrus



## OBJEKTIF

1. Menjelaskan konsep institusi *hisbah* (*wilayah al-hisbah*) yang berperanan melaksanakan *al-amr bi al-ma'ruf* (gesaan melakukan kebaikan) dan *al-nahy an al-munkar* (larangan melakukan kejahatan)
2. Menjelaskan konsep institusi *mazalim* (*wilayah al-mazalim*) sebagai sebuah institusi yang penting dalam sesebuah negara Islam yang berperanan melaksanakan keadilan dan menghapuskan kezaliman, pencerobohan, penyalahgunaan kuasa, rasuah dan sebarang bentuk penyelewengan yang dilakukan oleh pegawai kerajaan dan orang yang berkuasa dalam sesebuah negara.



## OBJEKTIF

3. Menjelaskan persamaan dan perbezaan bidang kuasa kehakiman, *hisbah*, dan *mazalim*.
4. Mengutarakan pelbagai institusi yang wujud di Malaysia yang berperanan melaksanakan sebahagian daripada tanggungjawab *hisbah* dan *mazalim*.
5. Mengutarakan beberapa cadangan ke arah memantapkan institusi penguatkuasaan di Malaysia.

## DEFINISI AL-HISBAH & TUJUANNYA

- Hisbah dari segi bahasa bermaksud meneliti, mentadbir, melihat, mencegah atau menahan.
- Dari segi istilah, hisbah ialah suatu perintah untuk berbuat baik jika ternyata ditinggalkan dan larangan dari berbuat munkar (jahat) jika ternyata dilakukan.
- Hisbah bertujuan menangani dan memastikan segala suruhan kebaikan (amar ma'ruf) dan larangan kejahatan ( nahi munkar ) dipatuhi dan dilaksanakan dalam urusan kehidupan seharian khususnya yang melibatkan hubungan sesama manusia yang berkaitan dengan perniagaan, perdagangan, pemerintahan, pentadbiran, pergaulan, perhubungan, pengangkutan, sukan, pendidikan serta perkara-perkara lain yang bersangkutan dengan kemudahan awam.

## BEZA ANTARA PEGAWAI PENGUATKUASA HISBAH & SUKARELAWAN HISBAH

PEGAWAI PENGUATKUASA HISBAH	SUKARELAWAN HISBAH
1) Tugas hisbah adalah kewajipan farduan	Tugas hisbah adalah kewajipan fardu kifayah
2) Dilantik khusus oleh kerajaan	Hisbah hanya pekerjaan sambilan
3) Ditugaskan untuk menerima pengaduan	Tidak ditugaskan untuk menerima pengaduan
4) Ditugaskan memeriksa perbuatan munkar bersama pembantunya	Ditugaskan memeriksa perbuatan munkar

## Sambungan ...

PEGAWAI PENGUATKUASA HISBAH	SUKARELAWAN HISBAH
5) Berhak mengenakan hukuman takzir terhadap pelaku munkar dengan ketentuan yang tidak sampai seberat hukuman hudud	Tidak berhak mengenakan hukuman takzir terhadap pelaku munkar
6) Berhak mendapat gaji daripada baitulmal (perbendaharaan)	Tidak berhak mendapat gaji daripada baitulmal (perbendaharaan)
7) Dibolehkan untuk berijtihad dalam perkara yang berkaitan adat setempat semasa melaksanakan tugas hisbah	Tidak dibolehkan untuk berijtihad dalam perkara yang berkaitan adat setempat semasa melaksanakan tugas hisbah

## PELAKSANAAN HISBAH PADA ZAMAN SEKARANG

- Hisbah ketika ini diamalkan sebagai institusi di beberapa negara Arab (seperti Arab Saudi) dan Afrika (seperti Sudan & Somalia).
- Pada tahun 2003 Wilayah Northwest Frontier di Pakistan telah meluluskan undang-undang Syariah yang mempunyai peruntukan bagi mewujudkan institusi Hisbah.
- Di Indonesia, beberapa daerah contohnya Aceh telah memperkenalkan Peraturan Daerah yang bertujuan menguatkuasakan Syariah dan terdapat di dalamnya peruntukan bagi institusi Hisbah.
- Namun, pelaksanaan hisbah masa kini tertumpu kepada mengawasi individu dan mencegahnya daripada melakukan maksiat.

## PENGHAYATAN PRINSIP HISBAH DI MALAYSIA

- Pelaksanaan prinsip-prinsip Hisbah akan membawa kepada urus tadbir yang baik (good governance) dalam kerajaan. Seterusnya kerajaan akan dapat berfungsi dengan amanah dan cekap.
- Di Malaysia, meskipun istilah hisbah tidak digunapakai, namun dari segi perlaksanaannya kewujudan pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan sebahagiannya sudahpun memenuhi konsep sebenar hisbah. Pelaksanaan hisbah di Malaysia boleh dilihat daripada peranan:
  - Polis Diraja Malaysia (PDRM)
  - Pegawai Penguatkuasa Agama (contoh JAJ & JAIS)
  - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
  - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)



# LOGO POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)



## **KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI & HAL EHWAL PENGGUNA (KPDNHEP)**



- Kini dikenali sebagai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) berkuatkuasa 11 Jun 2009.
- KPDNHEP pada asalnya ditubuhkan pada Oktober 1990 dengan matlamat untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang beretika di samping melindungi kepentingan pengguna.
- Bidang tanggungjawab KPDNKK termasuk pengawalseliaan perdagangan dalam negeri, perlindungan hak-hak pengguna, perlindungan harta intelek, dan pendaftaran serta penyeliaan perniagaan.



## INSTITUSI AL-MAZALIM

- **Definisi Al-Mazalim:** Mazalim berasal daripada kata kerja *zalama* yang bermakna zalim, iaitu ceroboh atau aniaya.
- Berdasarkan perkataan zalim ini maka wujudlah satu institusi yang berfungsi untuk mencegah kezaliman dan menegakkan keadilan yang dikenali dengan nama *wilayah al-mazalim*.
- Ringkasnya, *wilayah al-mazalim* adalah merujuk kepada satu institusi yang berfungsi untuk mencegah kezaliman dan menegakkan keadilan.
- Dalam konteks moden di Malaysia, institusi al-mazalim wujud dalam bentuk tribunal atau suruhanjaya diraja yang dibentuk khas bagi membincangkan kes berprofil tinggi.

## Kelayakan Pengerusi Suruhanjaya (*Wali al-Mazalim*)

- Syarat-syaratnya adalah seperti berikut;
  - 1) berkemampuan tinggi
  - 2) berkemampuan melaksanakan keputusan
  - 3) memiliki wibawa dan pengaruh yang besar
  - 4) terkenal dengan sifat bersih dan lurus
  - 5) tidak tamak
  - 6) sangat warak.

## Bidang Kuasa Institusi Al-Mazalim

(1) Kes-kes kezaliman yang **tidak perlu adanya pihak yang mendakwa tetapi memadai dengan hakim al-mazalim mengambil tindakan** berdasarkan pengetahuannya sahaja seperti:

- 1) Menghukum gabenor atau pegawai yang melakukan pencerobohan dan kezaliman terhadap rakyat.
- 2) Pemungut cukai yang melakukan kezaliman semasa bertugas mengutip cukai.
- 3) Mengembalikan apa-apa yang telah dirampas oleh gabenor atau pemerintah secara zalim kepada tuannya.

## Sambungan ...

- 4) Menyemak dan memeriksa catatan dan fail urusan pentadbiran dan kira-kira yang menjadi bidang tugas seseorang pegawai.
- 5) Memastikan wakaf am diuruskan dan ditadbir mengikut apa yang telah disyaratkan padanya.

## Sambungan ...

- (2) Kes kezaliman yang **perlu kepada pendakwaan atau aduan daripada pihak-pihak yang dizalimi** antaranya;
- 1) Pekerja yang menerima upah yang kurang atau lambat.
  - 2) Mengembalikan apa-apa yang dirampas oleh gabenor atau pegawai kepada pemilik yang berhak
  - 3) Memastikan wakaf khas diurus dan ditadbir mengikut syarat pewakaf jika diadu berlaku penyelewengan
  - 4) Melaksanakan hukuman yang tidak dapat dilaksanakan oleh mahkamah kadi kerana orang yang dihukum lebih tinggi kedudukan dan tarafnya.



## Sambungan ...

- 5) Membicara dan melaksanakan perkara-perkara yang tidak dapat dilakukan oleh wilayah al-hisbah dalam perkara yang berhubungan dengan kepentingan umum.
- 6) Mengawasi pelaksanaan kewajipan terhadap hak Allah dan ibadat zahir seperti solat Jumaat, Hari Raya dan jihad.
- 7) Menyelesaikan perbalahan dan menjatuhkan hukuman antara pihak-pihak yang bertikai.

## Beza Antara Mahkamah Mazalim (Pengaduan) & Mahkamah Kadi

MAHKAMAH MAZALIM	MAHKAMAH KADI
1) Memiliki kehebatan yang disegani dan ditakuti dalam mencegah pihak yang bertikai daripada terus bertikaian dan yang zalim daripada terus menzalimi.	Tiada kehebatan yang disegani dan ditakuti dalam mencegah pertikaian berterusan pihak yang bertikai dan kezaliman berterusan pihak yang zalim.
2) Bidang kuasanya luas.	Bidang kuasanya terhad berdasarkan tauliah yang diperolehi.
3) Boleh menggunakan keistimewaannya untuk mengetahui sebab dan latar belakang sesuatu kes supaya kebenaran (hak) dan kepalsuan (batil) boleh diketahui.	Tidak boleh menggunakan keistimewaannya untuk mengetahui sebab dan latar belakang sesuatu kes .

## Sambungan...

MAHKAMAH MAZALIM	MAHKAMAH KADI
4) Berkuasa mengenakan tindakan untuk mendidik orang yang zalim, menghukum dan membetulkan orang yang menceroboh	Tidak berkuasa mengenakan tindakan untuk mendidik orang yang zalim, menghukum dan membetulkan orang yang menceroboh
5) Boleh melengahkan kes jika perlu meskipun salah satu pihak yang bertikai meminta agar kesnya diputuskan dengan segera tanpa kelewatan	Tidak boleh melengahkan kes.
6) Boleh mendengar persaksian orang yang tidak dipastikan keadilannya.	Hanya mendengar persaksian daripada saksi yang adil sahaja.

## Persamaan Antara Penyelia Mazalim dengan Pegawai Hisbah (Muhtasib)

- **Persamaan dari segi;**
  - 1) Pelaksanaan tanggungjawab dengan menggunakan kekuatan, ketegasan, dan kekerasan.
  - 2) Keharusan bertindak tanpa perlu menerima pengaduan dan tuduhan.

## Perbezaan Antara Penyelia Mazalim dengan Pegawai Hisbah (Muhtasib)

PENYELIA MAZALIM	PEGAWAI HISBAH
1) Boleh bertindak dalam perkara yang menjadi tanggungjawab kadi dan muhtasib	Tidak boleh bertindak mewakili kadi dan penyelia mazalim.
2) Boleh bertindak sebagai pihak yang menjatuhkan hukuman.	Tidak boleh bertindak sebagai pihak yang menjatuhkan hukuman tetapi boleh bertindak segera untuk melaksana kerja-kerja menyuruh perkara yang ma'ruf dan melarang daripada melakukan yang munkar.

The screenshot shows a web browser window displaying the official website of the Public Complaints Bureau (BPA) in Malaysia. The browser's address bar shows the URL <http://www.bpa.gov.my>. The website header includes the BPA logo and the text "BPA MALAYSIA BUREAU OF PUBLIC COMPLAINTS". Below the logo, the contact information for the BPA is provided: "Biro Pengaduan Awam, Jalan Perdana, 62501, Putrajaya, Malaysia, Telefon: 03-892 5777, Faksimil: 03-898 7783748". At the bottom of the page, there are three buttons: "BUAT ADUAN / LODGE COMPLAINT", "SEMAK ADUAN / BORANG MAKLUMBALAS / CHECK COMPLAINT / FEEDBACK FORM", and "MASUK ENTER". The page also includes a footer with the text: "Pendaftaran Pihak Berkuasa Malaysia: 001610, Biro Pengaduan Awam, tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang berlaku kerana penggunaan laman web ini. Hak cipta © 2006-2010 Biro Pengaduan Awam, Putrajaya. Semua hak terpeliharakan. 15/3/2011".

**LAMAN WEB RASMI BIRO PENGADUAN AWAM (BPA)**


## INSTITUSI MAZALIM DI MALAYSIA

- Umumnya institusi mazalim yang seratus peratus menyamai konsep mazalim pada zaman kegemilangan Islam tidak wujud di Malaysia.
- Namun terdapat juga di negara kita beberapa institusi yang menyerupai institusi mazalim, antaranya:
  - 1) Biro Pengaduan Awam (BPA)
  - 2) Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM).



# CARTA ORGANISASI SUHAKAM

Carta Organisasi SUHAKAM





## LATIHAN

- 1) Jelaskan persamaan dan perbezaan antara bidang kuasa *muhtasib* dan *mazalim*.
- 2) Nyatakan bidang tugas pegawai *hisbah* dan sukarelawan *hisbah*.
- 3) Jelaskan kepentingan institusi hisbah dan mazalim dalam membentaras aktiviti negatif dalam masyarakat sekarang.